

**NO. SOALAN: 23**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]**

**TARIKH : 3 NOVEMBER 2016**

**RUJUKAN : 9348**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah tambahan yang diambil oleh pihak Kementerian melalui agensi-agensi di bawah Kementerian selain daripada langkah penguatkuasaan undang-undang SOSMA yang ada sekarang bagi membendung penularan fahaman Daesh atau ancaman terrorist dalam negara.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Di dalam usaha memerangi keganasan, Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa memantau perkembangan berkaitan kegiatan keganasan ini secara berterusan setelah mengambil kira perkembangan ancaman keganasan secara global. Sehubungan itu, selain daripada penguatkuasaan undang-undang terutamanya Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012, Kerajaan telah melaksanakan beberapa tindakan bagi mengekang penularan perkembangan Daesh seperti berikut:**

- 1) Secara berterusan telah mengadakan kerjasama dari segi perkongsian maklumat dengan agensi-agensi perisikan luar negara khususnya negara-negara ASEAN. Hasil daripada perkongsian maklumat ini, pihak Polis telah membuat pemantauan rapi dan menjejaki mereka yang disyaki atau didapati terlibat dengan kumpulan-kumpulan pengganas;**
- 2) Nama individu-individu yang disyaki sebagai pengganas yang diperolehi hasil daripada perkongsian maklumat ini akan dipanjangkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia untuk disenaraihitamkan dan dimasukkan ke dalam Senarai Syak (*Suspect List*) bagi menyekat pergerakan mereka di semua pintu masuk / keluar pemeriksaan imigresen di seluruh negara;**

- 3) Kerajaan juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan *Advanced Passenger Screening System (APSS)* yang merupakan saringan awal ke atas pelancong untuk memasuki negara ini sebelum berlepas daripada negara asal. Ini untuk memastikan bahawa setiap warganegara asing yang ingin memasuki negara ini dapat ditapis dengan lebih awal dan terperinci;**
  
- 4) Kerajaan dengan kerjasama Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah menjalankan pelbagai program penerangan sebagai pencegahan melalui ceramah-ceramah, khutbah jumaat, perjumpaan, seminar, penerangan melalui surat khabar dan lain-lain medium termasuklah media sosial untuk disasarkan kepada golongan-golongan tertentu bagi menerangkan konteks jihad sebenar dan bahaya fahaman ekstrim yang menjurus ke arah kegiatan militan;**
  
- 5) Program penerangan kepada golongan belia seperti Program Belia Benci Keganasan diadakan dengan kerjasama NGO dan Polis DiRaja Malaysia kepada para pelajar sekolah, universiti dan NGO;**
  
- 6) Selain itu, kerjasama antara pihak polis dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) juga telah dipertingkatkan bagi memantau media-media sosial yang menjadi medium komunikasi golongan belia agar perkembangan pengaruh Daesh dapat dikekang; dan**

- 7) Memastikan mereka yang ditahan menjalani program pemulihan melalui Modul Pemulihan Bersepadu yang dijalankan dengan penglibatan agensi-agensi kerajaan seperti pihak polis, Jabatan Penjara Malaysia, Kementerian Dalam Negeri sendiri serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).**

**Sebelum saya mengakhiri jawapan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) di atas kejayaan mereka mengekang elemen-elemen kumpulan pengganas Daesh ini daripada terus berkembang di negara ini.**

**Saya juga ingin menyeru semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan rakyat Malaysia untuk sama-sama berganding bahu memerangi kumpulan pengganas Daesh ini dengan menyalurkan maklumat kepada pihak polis. Sesungguhnya tanggungjawab menjaga keselamatan negara adalah tanggungjawab kita bersama.**